



Jurang pendapatan antara fokus kerajaan atas isu kos sara hidup

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Ahmad Suhael Adnan - Januari 9, 2023 @ 11:08pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Penyelesaian isu kos sara hidup akan dilaksanakan secara menyeluruh di semua peringkat, termasuk menangani jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, menegaskan tumpuan kerajaan tidak sekadar pada isu menurunkan harga makanan di peringkat pengguna, tapi mengatasi masalah kos sara hidup secara jangka panjang, menerusi pelaksanaan yang berkesan.

Katanya, penyelesaian isu kos sara hidup yang akan dilaksanakan bertujuan mencapai tiga matlamat, iaitu memastikan makanan terhidang di atas meja rakyat, memperkuuh kuasa beli dan menyelesaikan isu perumahan.

"Yang harus kita lihat bukan saja soal tarif elektrik sebagai elemen penting, bukan saja soal harga telur dan ayam, harga ikan dan sayur, tapi kita mesti melihat subsidi bersasar walaupun ia bukan satu-satunya penyelesaian."

"Kita juga perlu lihat bagaimana kos pengeluaran dikurangkan, bagaimana tarif elektrik dibuat secara bersasar, bagaimana pertimbangan dibuat supaya 'tiada atap genting dan atap rembia,' iaitu jurang pendapatan yang terlalu besar menyebabkan kesejahteraan tidak dapat diwujudkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada program bual bicara Naratif Khas yang disiarkan secara langsung di RTM1, malam ini.

Ditanya mengenai matlamatnya sebagai Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Ahmad Zahid memaklumkan, pembangunan kawasan desa akan mengambil kira empat elemen utama iaitu digital, ekonomi, sahsiah dan alam sekitar.

Katanya, Internet berkelajuan tinggi akan dibawa ke kawasan desa bagi memudahkan rakyat mendapat maklumat pelbagai, sama ada pendidikan mahupun digunakan bagi menjana ekonomi setempat.

"Dalam soal ekonomi pula, adakah hanya adil atau saksama untuk dibuat di kawasan pinggir bandar atau bandar sahaja? Maka, ia harus disuntik di kawasan desa juga."

"Tumpuan pada soal sosial dan akhlak, iaitu bagaimana keperibadian tulen sebagai rakyat yang sebenar dalam kemajmukan masyarakat. Terakhir adalah faktor alam sekitar," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid menegaskan, isu ketidakseimbangan pembangunan di kawasan desa, yang merangkumi 30 peratus populasi negara, perlu diatasi supaya setara dengan pembangunan di bandar yang memiliki 70 peratus penduduk.